

31 JUL 2001

Syed Hamid-Filipina

M'SIA HARAP PERJANJIAN DAMAI MANILA-MILF DIMETERAI SEMASA LAWATAN ARROYO

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Malaysia berharap satu perjanjian damai antara Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) dapat ditandatangani semasa lawatan Presiden Gloria Macapagal Arroyo ke Malaysia minggu depan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia, yang menjadi penganjur perbincangan damai pusingan kedua, berharap kedua-dua pihak dapat menyelesaikan rundingan itu sebelum lawatan Arroyo yang dijadualkan dari 7 hingga 9 Ogos.

"Jika mereka memilih Malaysia dan PM (Perdana Menteri Datuk seri Dr Mahathir Mohamad) sudah bersetuju untuk jadi tuan rumah bagi mereka, mungkin kita boleh saksikan majlis menandatangani MoU (memorandum persefahaman) antara pihak-pihak yang bertelingkah," katanya.

Syed Hamid berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat khas Isu-isu Semasa Mengenai Isu Antarabangsa dan Dasar Luar Malaysia kepada para pegawai Jabatan Penerangan di sini hari ini.

Perbincangan damai yang berlangsung di Port Dickson pada 24 Julai lepas membincangkan secara panjang lebar butiran bagi pelaksanaan gencatan senjata yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak semasa rundingan di Tripoli, Libya yang diadakan Jun lepas.

Menjawab soalan apakah yang Malaysia harap di sebalik penganjuran rundingan damai itu, Syed Hamid berkata kedua-dua pihak itu mahukan pembangunan di kawasan berkenaan dan ia hanya boleh dilakukan dengan adanya keamanan dan keselamatan.

"Dengan adanya rundingan ini, kita hanya dapat memainkan peranan untuk membantu mereka jika diperlukan dan ini telahpun kita lakukan atas permintaan kedua-dua belah pihak dan kita main peranan untuk membawa mereka ke meja perundingan," katanya.

Beliau berkata jika rundingan damai itu berjaya, ia boleh membawa kepada keamanan dan Malaysia boleh membantu dalam pembangunan sosio-ekonomi di Selatan Filipina.

Mengenai lawatan Arroyo, Syed Hamid berkata ia adalah kunjungan hormat pertama Arroyo ke sebuah negara Asean sejak menyandang jawatan presiden.

Katanya pemilihan Malaysia sebagai negara pertama kunjungan Presiden Filipina itu menunjukkan keakraban hubungan dua hala Malaysia-Filipina dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan budaya.

Lawatan itu akan memberi peluang kepada pemimpin kedua-dua negara berbincang mengenai isu dua hala seperti persempadanan maritim yang dikongsi bersama, kehadiran rakyat Filipina di Malaysia serta kerjasama serantau dan antarabangsa, katanya.

Mengenai rombongan Arroyo yang mengandungi wakil-wakil sektor swasta, Syed Hamid berkata ia akan membawa manfaat kepada usahawan Malaysia yang berminat mengadakan kerjasama perniagaan di Filipina.

"Malaysia melihat perhubungan antara Malaysia dan Filipina mempunyai dimensi yang berbeza-beza, kerana ini kita tidak boleh lihat antara kerajaan dan kerajaan sahaja mengadakan hubungan ekonomi tetapi juga perlu antara pihak swasta.

"Kita mengalu-alukan rombongan swasta dan peniaga Malaysia pun banyak yang melabur di Filipina dalam bidang perhotelan, pelancongan serta perindustrian," katanya.

-- BERNAMA

HS AZZ RHM

